

09/07/1999

Majoriti mudah di Kelantan

Azman Mahmood

KOK LANAS, Khamis - Umno dan Barisan Nasional (BN) tidak menolak kemungkinan memperolehi majoriti mudah dalam pilihan raya umum kali ini bagi membentuk kerajaan baru di Kelantan.

Matlamat itu boleh menjadi kenyataan berdasarkan perkembangan dan senario politik semasa di negeri ini, yang menunjukkan perubahan ketara apabila rakyat secara terbuka menentang Pas.

Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri, Datuk Annuar Musa berkata, Umno dan BN meletakkan sasaran memenangi sekurang-kurangnya 25 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) pada pilihan raya umum akan datang bagi merealisasikan majoriti mudah itu.

Beliau berkata, strategi memperolehi majoriti mudah sudah dirancang sekali gus membentuk kerajaan baru di Kelantan.

"Insya-Allah kita (Umno dan BN) boleh mendapat majoriti mudah kali ini (pilihan raya umum akan datang).

"Jadi, kalau Pas ada strategi, kita juga mempunyai strategi dalam usaha mencari majoriti mudah," katanya kepada pemberita selepas majlis sambutan Maulidur Rasul dan lawatan ke Peti Undi Kemubu, di sini, hari ini.

Beliau mengulas mengenai peluang Umno dan BN di Kelantan dalam pilihan raya umum kali ini berikutan pelbagai isu timbul terutama membabitkan kepincangan dan kelemahan Pas sejak kebelakangan ini sehingga ada ahlinya membuat bantahan terbuka.

Annuar yang juga Menteri Pembangunan Luar Bandar, berkata Umno akan memastikan sasaran majoriti mudah menjadi kenyataan kerana Pas semakin sukar mengawal keadaan apabila rakyat mula mencemuh permainan politik parti itu yang sering berubah-ubah.

"Umno melihat Pas sudah tertekan dan rakyat pula mula mendapat semangat baru apabila Tengku Razaleigh Hamzah dilantik sebagai Pengerusi Badan Perhubungan Umno Kelantan menggantikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

"Kehadiran Tengku Razaleigh mengetuai Umno Kelantan semakin membimbangkan Pas kerana menyedari pengaruh tokoh politik berpengalaman itu masih kuat dan mampu mengubah keadaan di negeri ini," katanya.

Sementara itu, Ketua Penerangan Pemuda Umno Kelantan, Aziz Awang, berkata walaupun sebelum ini ramai yang meramalkan Pas masih kuat di Kelantan, ia kian meleset apabila keadaannya berubah secara mendadak selepas pelantikan Tengku Razaleigh.

Beliau berkata, ini mungkin kerana rakyat Kelantan melihat perjuangan Tengku Razaleigh yang lebih komited terhadap membela nasib mereka sekali gus menghapuskan perasaan serba salah selama ini.

(END)